

**MODAL MANUSIA DAN PERBEZAAN PENDAPATAN ISI RUMAH
MENGIKUT WILAYAH DI MALAYSIA**
HUMAN CAPITAL AND HOUSEHOLD INCOME DISPARITIES BY REGION IN MALAYSIA

SALMA HAMZAH, RAHMAH ISMAIL DAN MOHD NASIR SAUKANI

ABSTRAK

Meskipun Malaysia telah menunjukkan kejayaan yang membanggakan dalam mengurangkan tahap kemiskinan, namun masalah ketidakseimbangan pendapatan tetap wujud terutamanya mengikut wilayah dan sub-kumpulan populasi. Artikel ini bertujuan menganalisis isu penentuan dan perbezaan pendapatan bagi ketua isi rumah daripada wilayah tengah dan timur di Semenanjung Malaysia. Analisis berdasarkan data kajian yang telah dikutip pada tahun 2007/08. Fungsi upah yang dibangunkan oleh Mincer (1974) digunakan dalam analisis ini untuk menganggar pengaruh modal manusia terhadap tingkat pendapatan ketua isi rumah. Kemudian model pengasingan yang dibangunkan oleh Oaxaca-Blinder (1973) diaplikasikan untuk mengasingkan penentuan perbezaan pendapatan wilayah. Kajian ini mendapati bahawa faktor modal manusia memainkan peranan yang signifikan dalam menentukan perbezaan pendapatan wilayah. Sementara berdasarkan model pengasingan pendapatan pula, keputusan mendapati bahawa 74.9 peratus daripada perbezaan pendapatan wilayah adalah disebabkan oleh faktor yang tidak dapat diterangkan (*unexplained*) dan ini dirujuk sebagai kesan daripada pelakuan diskriminasi.

Kata Kunci: Modal manusia, perbezaan pendapatan, Wilayah Tengah, Wilayah Timur

ABSTRACT

Although Malaysia has shown remarkable success in reducing poverty levels, income inequality still remains exists, especially by regional and sub-groups of the population. This study aims to analyze the issues of income determination and disparities of heads of household for central and eastern regions of Peninsular Malaysia. The analysis is based on survey data that are collected in 2007/08. The wage function developed by Mincer (1974) is used to estimate the effect of human capital on the level of income for heads of household. Then, the decomposition model developed by the Oaxaca-Blinder (1973) is applied to differentiate the determination of regional income disparities. The results indicate that human capital plays a significant role in determining regional income disparities. Meanwhile, the results from income-decomposition model reveal that almost 74.9 percent of regional income disparities are caused by unexplained factor, which is referred to as a result of the commission of discrimination.

Keywords: human capital, income disparities, Central Region, Eastern Region

PENGENALAN

Tempoh Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMK-9) telah menyaksikan trend pertumbuhan dalam ketidakseimbangan pendapatan isi rumah di Malaysia yang semakin membimbangkan. Jurang dalam ketidakseimbangan pendapatan masih meluas antara kawasan bandar dan luar bandar dan antara wilayah yang kurang membangun dan lebih membangun. Keadaan ini timbul kerana meskipun nisbah jurang pendapatan antara setiap negeri dan wilayah semakin mengecil dari segi relatif, namun jurang pendapatan berasaskan nilai mutlak terus melebar. Walaupun purata pendapatan bulanan isi rumah telah meningkat dan berjaya mengurangkan tahap kemiskinan, namun bahagian yang diterima oleh isi rumah di wilayah membangun adalah jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan wilayah kurang membangun. Jurang pembangunan antara wilayah adalah berkait secara langsung dengan pelaburan, urbanisasi dan kadar populasi yang lebih menjurus kepada wilayah yang lebih membangun (Malaysia, 2006). Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada 1970 merupakan usaha kerajaan dan langkah untuk mengimbangi perbezaan.

Namun, usaha ini masih jauh daripada sasaran asal. Walaupun mencapai pertumbuhan ekonomi yang pantas terutamanya pada tahun 1990-an, kerajaan masih berusaha dan menghadapi pelbagai halangan untuk mengurangkan jurang dalam agihan pendapatan.

Kajian lepas menunjukkan tingkat pendapatan yang diterima isi rumah meningkat seiring dengan tingkat pencapaian modal manusia (Schultz, 1961; Becker, 1962; Blackaby dan Murphy, 1995; Teulings dan Vieira, 2004; Pereira (2003) dan Vieira et al. 2006; Meng dan Wu, 1998; serta Cotton, 1988). Berdasarkan teori modal manusia, terdapat hubungan positif di antara pencapaian modal manusia (pendidikan, latihan) dan upah yang diterima oleh individu melalui tingkat produktiviti yang tinggi. Kesannya, ketidakseimbangan dalam pencapaian modal manusia akan membawa kepada ketidakseimbangan dalam upah yang diterima oleh isi rumah. Teori ini telah diuji menggunakan data empirikal dan kebanyakan hasil menyokong fenomena ini. Walaupun pada awalnya teori modal manusia dibangunkan untuk mengaitkan modal manusia dengan upah individu, namun kebanyakan kajian lepas menggunakannya dalam analisis di peringkat makro seperti menghubungkan modal manusia dengan upah isi rumah atau pertumbuhan ekonomi.

Objektif utama penulisan artikel ini ialah untuk menganalisis faktor penentu tingkat dan perbezaan pendapatan isi rumah bekerja mengikut wilayah di Malaysia. Penulisan artikel ini akan dibahagikan kepada lima bahagian. Bahagian berikutnya terdiri daripada teori-teori dan kajian lepas. Bahagian ketiga akan mengulas kaedah yang dipilih bagi menganalisa faktor penentu perbezaan pendapatan isi rumah bekerja mengikut wilayah. Sementara hasil kajian akan dibincangkan dalam bahagian empat dan akhir sekali kesimpulan dalam bahagian lima.

KAJIAN LEPAS

Sejak tahun 1950an, ahli ekonomi secara umum telah menganggarkan bahawa tenaga buruh adalah tetap dan tidak bertambah. Analisis terkini pelaburan dalam pendidikan dan latihan oleh Smith (1776), Marshall (1960) dan Friedman (1957) di dapati tidak bersepadu dengan perbincangan mengenai produktiviti yang tertakluk kepada Hukum Pulangan Bertambah Kurang. Seterusnya, Schultz (1961) dan lain-lain telah muncul sebagai pelopor dalam mengkaji implikasi pelaburan modal manusia terhadap pertumbuhan ekonomi. Analisis modal manusia bermula dengan andaian bahawa individu mempunyai pendidikan, latihan, penjagaan kesihatan dan lain-lain pertambahan dalam ilmu pengetahuan dan kesihatan yang tertakluk kepada faedah dan kos. Faedah termasuklah kebudayaan serta untung bukan wang bagi memperbaiki perolehan dan pekerjaan, manakala kos biasanya bergantung kepada suatu nilai tertentu bagi tempoh masa yang diperuntukkan untuk menjalankan pelaburan. Konsep pelaburan dalam modal manusia yang dapat membantu pertumbuhan ekonomi sesebuah negara atau kawasan telah lama diperkatakan oleh Smith (1976) yang pada dasarnya menekankan kepentingan pelaburan dalam '*human skills*'. Pada tahun 1960an, Schultz membuktikan pendidikan sebagai penyumbang langsung terhadap pertumbuhan pendapatan buruh serta ekonomi berdasarkan pembaharuan dalam kemahiran serta kapasiti produktiviti tenaga buruh. Selain itu, sumbangan pendidikan terhadap pertumbuhan ekonomi akan menjadi lebih kukuh sekiranya segala faktor pendorong lain bagi pertumbuhan ekonomi diambil kira secara menyeluruh (Psacharopoulos, 1985).

Terdapat banyak bukti yang menunjukkan kepentingan modal manusia. Becker (1962) percaya, daya pengeluaran buruh mempunyai hubungan positif dengan taraf pendidikan dan latihan kemahiran. Semakin tinggi taraf pendidikan dan latihan kemahiran yang dimiliki oleh seseorang, semakin produktif individu berkenaan. Keadaan ini turut mewujudkan hubungan positif di antara taraf pendidikan dan pendapatan buruh. Latihan dikatakan dapat menjadikan para pekerja lebih produktif dan seterusnya akan meningkatkan produktiviti sesebuah firma. Kebiasaannya, latihan umum akan dibiayai oleh para pekerja dan mereka menerima kesemua pulangan daripada latihan tersebut. Sebaliknya, majikan dan pekerja pula akan berkongsi kos serta pulangan bagi latihan yang bersifat lebih spesifik.

Perkembangan teknologi sering dianalisis sebagai sebahagian daripada faktor ketidakseimbangan pendapatan. Cornia dan Kiiski (2001) mendapati, perkembangan teknologi merupakan faktor penting yang mempengaruhi ketidakseimbangan pendapatan di negara-negara sedang membangun, walaupun pengaruhnya terlalu kecil bagi negara maju. Namun Snower (1999) berpendapat, mekanisme yang mempengaruhinya agak berbeza mengikut tahap kemajuan dan perkembangan teknologi sesebuah negara. Begitu juga hasil kajian oleh Bresnahan (1997) yang mendapati kesan kemajuan pengkomputeran telah menyebabkan ketidakseimbangan pendapatan yang sangat tinggi. Bagi kes yang lebih berintensifkan

perubahan teknologi, upah pekerja lebih mahir didapati semakin meningkat, sedangkan upah bagi pekerja kurang mahir berada pada tahap yang sama. Selain itu, kemajuan teknologi turut mengambil alih tugas dan peranan pekerja yang tidak mahir. Oleh itu, permintaan terhadap pekerja mahir semakin meningkat dan bayaran upah yang ditawarkan juga lebih tinggi. Sebaliknya permintaan terhadap pekerja kurang mahir semakin merosot serta bayaran upah yang semakin kecil. Akibatnya, perkembangan teknologi telah diandaikan menyumbang kepada peningkatan ketidakseimbangan pendapatan.

Hassan Ali dan Rahmah Ismail (1995) yang mengkaji perhubungan di antara pertumbuhan dengan agihan pendapatan mendapati pada peringkat awal pembangunan, hanya sebahagian kecil tenaga buruh yang sanggup mengambil risiko dan mempunyai peluang untuk mendapatkan pekerjaan di sektor perindustrian, sementara yang lain terus kekal di sektor pertanian tradisional yang mempunyai daya pengeluaran yang rendah. Oleh itu, perubahan struktur ekonomi melalui pembangunan di peringkat awal akan mengakibatkan agihan pendapatan semakin tidak setara. Setelah ekonomi negara bertambah maju, sektor pertanian akan menjadi relatif semakin kecil dan sektor perindustrian bertambah besar. Maka semakin ramai tenaga buruh yang mendapat manfaat daripada perkembangan sektor perindustrian, manakala tenaga buruh yang terus kekal di sektor pertanian turut mendapat faedah melalui peningkatan produktiviti hasil daripada perubahan teknologi dan berkurangnya tekanan lebihan buruh. Pandangan optimis seperti inilah yang mendorong model dualistik menjangkakan bahawa pada peringkat pembangunan seterusnya perubahan struktur ekonomi akan memperbaiki agihan pendapatan.

Faktor modal, kemahiran dan masalah komunikasi masyarakat pesisir pantai terutamanya di pantai timur Malaysia sebenarnya mempunyai kaitan erat dengan agihan pendapatan isi rumah. Sebahagian besar penduduk tempatan menunjukkan minat yang tinggi dalam bidang pelancongan. Minat ini jelas terbukti apabila mereka sanggup meninggalkan pekerjaan asal mereka untuk beralih kepada sektor baru ini. Walau bagaimanapun, akibat kekurangan modal dan kemahiran serta diskriminasi oleh pengusaha asing, faedah pembangunan industri pelancongan ini amat terhad kepada penduduk tempatan (Sulong Mohamad, 1981). Oleh itu, kemampuan mereka hanya terhad dalam perniagaan kecil-kecilan yang tidak menjanjikan pulangan yang menguntungkan. Kajian yang dilakukan di Pulau Pangkor, Terengganu mendapati kesan pembangunan yang dijalankan telah mewujudkan 127 peluang pekerjaan di sektor perhotelan di mana 69 peratus daripadanya disertai oleh penduduk tempatan. Namun, pekerjaan yang dilakukan oleh mereka merupakan pekerjaan yang tidak mahir, manakala pekerjaan mahir di bolot oleh orang luar (Seh, 1983). Oleh sebab itu, jurang ketidakseimbangan pendapatan masyarakat di luar bandar semakin melebar.

Pembuktian empirikal bagi perbezaan pendapatan mengikut wilayah adalah pelbagai mengikut negara. Hasil kajian Blackaby dan Murphy (1995) bagi negara Britain mendapati upah yang dapat diterangkan oleh perbezaan dalam perolehan pekerja dengan kemahiran yang sama adalah sebanyak 2.4 peratus bagi wilayah Selatan. Ini bermakna, faktor pelakuan diskriminasi lebih mendominasi dalam menentukan perbezaan perolehan mengikut wilayah di Britain. Manakala bagi negara Sepanyol, Garcia dan Molina (2002) mendapati terdapat perbezaan upah di antara wilayah Madrid dan wilayah Sepanyol yang lain. Keterangan lanjut darjah perbezaan ini adalah pelbagai dan bergantung kepada kes dan negara tertentu, tetapi kedua-dua perbezaan dalam ciri-ciri individu dan perolehan memainkan peranan penting dalam menerangkan jurang upah wilayah di Sepanyol.

Sementara bagi negara Portugis, pengkaji mendapati perbezaan upah di antara wilayah semakin berkurang. Bagaimanapun, terdapat beberapa kajian mendapati wujud jurang perbezaan upah yang besar di antara wilayah Lisboa dengan wilayah lain (Teulings dan Vieira, 2004). Perkembangan dan kemajuan dalam perdagangan antarabangsa telah melebarkan jurang perbezaan upah di wilayah Lisboa dengan wilayah lain. Namun mengikut Pereira (2003) dan Vieira et al. (2006), hanya terdapat dua kajian lepas yang telah menganalisis isu ini menggunakan kaedah pengasingan Oaxaca (1973) dan nilai agregat wilayah pada tahap yang lebih tinggi. Kajian ini menggunakan set data yang berbeza mengikut wilayah yang berbeza. Pereira (2003) menggunakan maklumat daripada *European Community Household Panel (ECHP)* yang meliputi pekerja dalam sektor awam dan swasta, manakala Vieira et al. (2006) pula menggunakan maklumat daripada *Quadros de Pessoal* dan hanya mengandungi maklumat tentang pekerja dalam sektor swasta. Merujuk kepada pengumpulan wilayah, Pereira (2003) menggunakan dua tahap pengumpulan wilayah (NUTs2), sementara Vieira et al. (2006) lebih menggunakan agregat bahagian pentadbiran (*distritos*). Walaupun wujud perbezaan dalam menerangkan pemboleh ubah, namun kedua-dua pengkaji wilayah menyimpulkan bahawa perbezaan upah amat signifikan di wilayah Lisboa berbanding wilayah lain kesan daripada keterbukaan ekonomi di wilayah tersebut.

Tahap pendidikan yang tinggi mampu menjana peluang pekerjaan yang lebih baik dalam membantu meningkatkan pendapatan isi rumah terutamanya di kawasan luar bandar. Kajian Meng dan Wu

(1998) mendapati kuantiti input tetap seperti tanah amat penting walaupun kualiti buruh telah meningkatkan pendapatan isi rumah dan seterusnya berupaya menyeimbangkan jurang perbezaan pendapatan di antara wilayah. Analisis kajian yang meliputi 5 buah wilayah yang terletak di kawasan luar bandar China ini adalah berdasarkan dua persamaan pendapatan iaitu pendapatan bersih isi rumah dan pendapatan per kapita isi rumah. Sementara bagi melihat sumbangan modal manusia terhadap pengeluaran isi rumah, fungsi pengeluaran Cobb-Douglas telah dianggar berdasarkan teori pertumbuhan baru oleh Romer (1986, 1990), Lucas (1988) dan Caballe (1993). Manakala kaedah pengasingan Blinder (1973) pula digunakan bagi menentukan perbezaan pendapatan di antara wilayah. Hasil kajian mendapati wujud hubungan signifikan bagi pemboleh ubah modal manusia iaitu tahun bersekolah dan pengalaman pekerja berdasarkan pendekatan model persekolahan Mincer (1974) dengan pendapatan isi rumah. Keputusan regresi juga mendapati wujud hubungan positif di antara pemboleh ubah demografi seperti saiz keluarga, bilangan hari bekerja dan hasil pengeluaran pertanian kecuali gender dengan persamaan pendapatan.

Sementara kajian ketidakseimbangan pendapatan di kawasan luar bandar oleh Takahashi (2007) pula mendapati pelaburan modal manusia dan faktor tanah adalah tidak mempengaruhi ketidakseimbangan mengikut wilayah secara keseluruhan. Penemuan ini adalah konsisten dengan hipotesis kajian iaitu perbezaan dalam pelaburan fizikal dan modal manusia persendirian tidak dapat menerangkan perbezaan pendapatan wilayah. Analisis kajian meliputi wilayah utara dan selatan serta kawasan tanah rendah dan pergunungan terpencil yang terletak di Vietnam. Sampel kajian telah dihadkan mengikut wilayah iaitu *Northern Upland (NU)*, *Red River Delta (RRD)* di bahagian utara dan *Mekong Delta (MKD)* di bahagian selatan. Strategi empirikal fungsi pendapatan berbentuk linear digunakan bagi melihat perbezaan purata dalam pelaburan modal manusia dan aset tanah yang menyebabkan perbezaan taraf hidup. Selain itu, kajian ini juga melihat perbezaan taraf hidup keseluruhan mengikut wilayah berdasarkan insiden kemiskinan yang berlaku menggunakan model FGT. Antara indikator penting termasuklah log perbelanjaan per kapita benar isi rumah serta ciri-ciri isi rumah seperti modal manusia dan pemilikan tanah. Hasil analisis pengasingan berdasarkan Oaxaca (1973) dan Blinder (1973) mendapati, perbezaan pulangan pelaburan modal manusia memainkan peranan penting terhadap ketidakseimbangan keseluruhan wilayah.

Keputusan regresi menunjukkan perbezaan modal manusia adalah lebih signifikan dalam mempengaruhi perbezaan upah antara wilayah berbanding dengan perbezaan industri. Analisis pengasingan oleh Oaxaca (1973) dan Blinder (1973) telah diformulasikan secara lebih umum oleh Cotton (1988) bagi melihat darjah diskriminasi yang berlaku dalam pasaran buruh. Hasil kajian mendapati perbezaan log-upah adalah lebih rendah di semua wilayah, kecuali di Lisbon yang memiliki kelebihan dari segi bilangan pekerja mahir yang paling ramai menjadikannya sebagai penyumbang utama kepada purata upah keseluruhan. Selain itu, Wilayah Lisbon juga mempunyai pekerja yang berpendidikan lebih tinggi serta purata tahun persekolahan yang lebih lama. Permintaan terhadap pekerja mahir dan berpendidikan tinggi telah membawa kepada perubahan teknologi yang lebih baik di Lisbon berbanding dengan wilayah lain di Portugis.

METODOLOGI DAN SPESIFIKASI MODEL

Analisis kajian ini berdasarkan data yang dikutip pada tahun 2007/08 melalui borang soalselidik. Kawasan kajian asal meliputi semua wilayah dan seluruh negeri di Malaysia kecuali Sabah dan Sarawak. Kandungan soal selidik termasuklah tentang maklumat latar belakang, pendidikan, pekerjaan, latihan, kesihatan, modal sosial, pendapatan dan perbelanjaan isi rumah yang bekerja. Namun, skop kajian ini memfokuskan kepada kajian kes dua wilayah, iaitu Wilayah Tengah yang meliputi negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Timur yang meliputi negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Kajian ini melibatkan dua peringkat analisis. Analisis pertama mengandungi keputusan daripada penganggaran bagi ketiga-tiga fungsi pendapatan ketua isi rumah, iaitu menggunakan sampel keseluruhan, sampel Wilayah Tengah dan sampel Wilayah Timur. Model pendapatan yang digunapakai berdasarkan model persekolahan Mincer (1974) dan persamaan semi log-linear dianggar menggunakan Kaedah Kuasa Dua Terkecil (OLS). Analisis kedua menggunakan Model Pengasingan Pendapatan (*Income Decomposition Model*) oleh Blinder (1973). Model regresi bagi pendapatan ketua isi rumah adalah ditulis seperti berikut dan diterangkan sebagaimana dalam Jadual 1:

$$\ln(Y) = \alpha + \beta_1 LO + \beta_2 K + \beta_3 J + \beta_4 TB + \beta_5 AP + \beta_6 KH + \beta_7 PB + \beta_8 M + \beta_9 SM + \beta_{10} EXP + \beta_{11} EXP2 + \beta_{12} L + \mu$$

Model pengasingan yang dibangunkan oleh Oaxaca-Blinder (1973) bagi perbezaan pendapatan ketua isi rumah mengikut wilayah ditulis sebagaimana berikut:

$$R = \underbrace{\begin{pmatrix} \hat{\beta}_0^U & \hat{\beta}_0^R \\ a & -a \end{pmatrix}}_U + \underbrace{\sum_{j=1}^n \bar{X}_j^R \begin{pmatrix} \hat{\beta}_j^U & \hat{\beta}_j^R \\ \beta_j^U & -\beta_j^R \end{pmatrix}}_C + \underbrace{\sum_{j=1}^n \hat{\beta}_j^U (\bar{X}_j^U - \bar{X}_j^R)}_E$$

di mana;

R = perbezaan kasar

$$= \beta_0^U + \sum_i \beta_i^U \bar{X}_i^U - \left(\beta_0^R + \sum_i \beta_i^R \bar{X}_i^R \right) = E + C + U$$

E = bahagian perbezaan akibat daripada perbezaan pelaburan / ciri-ciri individu

$$= \sum_i \beta_i^U (\bar{X}_i^U - \bar{X}_i^R)$$

C = bahagian perbezaan akibat daripada perbezaan koefisien

$$= \sum_i \bar{X}_i^R (\beta_i^U - \beta_i^R)$$

U = bahagian perbezaan yang tidak dapat diterangkan = $\beta_0^U - \beta_0^R$

$C + U = D$ = bahagian perbezaan akibat daripada diskriminasi

Perbezaan pendapatan diasingkan kepada dua terma. Terma pertama ialah perbezaan yang disebabkan oleh ciri-ciri isi rumah iaitu dikenali sebagai bahagian yang dapat diterangkan (*explained*). Terma kedua disebabkan oleh perbezaan parameter dalam fungsi pendapatan yang dipengaruhi oleh faktor-faktor lain yang tidak dimasukkan dalam fungsi pendapatan atau dikenali sebagai bahagian perbezaan yang tidak dapat diterangkan (*unexplained*) iaitu lebih merujuk kepada faktor diskriminasi. Teknik ini bertujuan untuk melihat penentu perbezaan pendapatan mengikut wilayah berdasarkan komposisi ketua isi rumah yang bekerja di Wilayah Tengah dan Wilayah Timur. Kajian ini menggunakan kaedah penganggaran terhadap perbezaan pendapatan mengikut wilayah. Penentu perbezaan pendapatan tersebut diperoleh menggunakan koefisien bagi fungsi pendapatan.

HASIL KAJIAN

Profil Responden

Jadual 2 menunjukkan taburan responden mengikut wilayah, negeri dan tahap pendidikan. Berdasarkan keseluruhan 1547 sampel ketua isi rumah bekerja, 1191 adalah daripada Wilayah Tengah dan selebihnya 356 daripada Wilayah Timur. Komposisi responden yang berpendidikan peringkat rendah bagi Wilayah Tengah hanya 3.7 peratus manakala menengah dan tertiarinya pula masing-masing sebanyak 59.4 peratus dan 36.9 peratus. Sebaliknya, komposisi responden berpendidikan rendah di Wilayah Timur didapati 2.5 peratus lebih tinggi berbanding Wilayah Tengah. Sementara pekerja berpendidikan peringkat menengah lebih tinggi (70.2 peratus) di Wilayah Timur, namun hanya 23.6 peratus berpendidikan sehingga peringkat tertiarinya.

Selain itu, majoriti responden di Wilayah Tengah adalah daripada negeri Selangor dan mencatatkan responden berpendidikan peringkat menengah dan tertiarinya paling tinggi, iaitu masing-masing seramai 510 dan 305 orang., diikuti dengan Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan. Manakala Negeri Sembilan mencatatkan peratusan tertinggi bagi responden yang berpendidikan peringkat rendah iaitu sebanyak 17.4 peratus. Sementara di Wilayah Timur, taburan responden tertinggi yang bekerja dengan tahap pendidikan peringkat rendah adalah negeri Pahang, diikuti oleh negeri Terengganu dan Kelantan. Walau bagaimanapun, negeri Pahang mencatatkan peratusan tertinggi bagi responden yang berpendidikan peringkat menengah, iaitu 75.8 peratus dan negeri Kelantan dan Terengganu sebanyak 66.7 peratus dan 67.5 peratus masing-masing. Namun begitu, secara keseluruhannya purata tahap pendidikan keseluruhan di Malaysia adalah sehingga peringkat menengah.

Responden yang berpendidikan peringkat tertiar di dapati lebih tinggi di negeri Kelantan, iaitu 31.3 peratus berbanding 24.7 peratus dan 14.4 peratus di negeri Terengganu dan Pahang, masing-masing. Keadaan ini menunjukkan bahawa, pekerja dengan tahap pendidikan yang lebih tinggi semakin meningkat disebabkan kesedaran terhadap kepentingan pelaburan modal manusia pendidikan dalam mempengaruhi taraf dan kualiti hidup masyarakat terutamanya di wilayah yang kurang membangun.

Jadual 3 menunjukkan taburan agihan pendapatan purata bulanan bagi ketua isi rumah mengikut wilayah, negeri dan tahap pendidikan. Perbezaan tahap perkembangan wilayah telah membawa kepada perbezaan pendapatan buruh bagi tahap pendidikan yang sama. Misalnya, buruh yang berpendidikan rendah di Wilayah Tengah menerima pendapatan yang lebih tinggi berbanding buruh berpendidikan rendah di Wilayah Timur. Begitu juga bagi tahap pendidikan menengah dan tertiar yang mana menunjukkan diskriminasi berlaku di antara wilayah maju dengan kurang maju walaupun memiliki tahap pendidikan yang sama.

Keputusan Empirikal

Jadual 4 menunjukkan keputusan penganggaran bagi tiga model regresi iaitu menggunakan sampel keseluruhan, sampel Wilayah Tengah dan sampel Wilayah Timur. R^2 bagi ketiga-tiga model boleh dipertimbangkan sebagai tinggi dengan nilai masing-masing adalah 0.393, 0.360 dan 0.429. Ini menunjukkan bahawa lebih daripada 30 peratus perubahan dalam pemboleh ubah bersandar dapat diterangkan oleh pemboleh ubah tidak bersandar. Hasil keputusan menyokong penemuan kajian lepas tentang pengaruh modal manusia terhadap pendapatan. Pemboleh ubah modal manusia seperti tahun bersekolah, menghadiri latihan dan pengalaman bekerja mempengaruhi pendapatan ketua isi rumah secara positif dan signifikan. Misalnya, ketua isi rumah bekerja dengan tahun bersekolah yang lebih lama mampu menerima pendapatan 7.4 hingga 7.7 peratus lebih tinggi berbanding dengan tahun bersekolah yang lebih singkat. Begitu juga bagi ketua isi rumah bekerja yang menghadiri latihan, mereka menerima 12.8 hingga 31.0 peratus pendapatan lebih tinggi berbanding tidak menghadiri latihan. Pengalaman bekerja telah memberikan kesan yang signifikan secara positif terhadap pendapatan di kedua-dua wilayah.

Hasil kajian mendapati ketua isi rumah yang tinggal di kawasan bandar memperoleh pendapatan yang lebih tinggi berbanding dengan kawasan luar bandar, kecuali bagi sampel Wilayah Timur. Begitu juga keputusan bagi sampel keseluruhan dan sampel Wilayah Tengah menyaksikan bahawa pendapatan yang diterima oleh kaum Melayu adalah lebih rendah secara signifikan berbanding kaum-kaum lain. Namun, perbezaan pendapatan antara lelaki dan perempuan adalah tidak signifikan bagi kedua-dua wilayah. Jenis pekerjaan turut mempengaruhi pendapatan secara signifikan. Ketua isi rumah bekerja dalam kategori pekerjaan mahir menerima pendapatan yang lebih tinggi sebanyak 31.0 hingga 34.2 peratus berbanding pekerjaan separuh mahir dan tidak mahir. Namun, analisis regresi mendapati sektor perkhidmatan tidak signifikan dalam menerangkan perbezaan pendapatan di Wilayah Tengah berbanding sektor pertanian tetapi signifikan di Wilayah Timur dengan isi rumah di sektor ini menerima pendapatan yang lebih tinggi. Sebaliknya ketua isi rumah yang berkhidmat dalam sektor pembuatan di Wilayah Tengah mempunyai pendapatan yang lebih rendah berbanding mereka yang bekerja di sektor pertanian.

Pengasingan Perbezaan Pendapatan

Jadual 5 mengilustrasikan pengasingan perbezaan pendapatan wilayah, yang mana telah dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama merujuk kepada perbezaan dalam purata pemboleh ubah yang dimasukkan ke dalam persamaan pendapatan wilayah, sementara bahagian kedua merujuk kepada perbezaan dalam koefisien yang dianggarkan terhadap faktornya. Bahagian pertama dikenali sebagai bahagian yang dapat diterangkan bagi jurang pendapatan wilayah (bahagian perbezaan akibat daripada perbezaan pelaburan). Sementara bahagian kedua merupakan bahagian penting bagi mengukur tingkat pulangan kepada ciri-ciri Wilayah Tengah dan Wilayah Timur yang berbeza dari segi pulangan yang tidak didiskriminasikan (bahagian perbezaan akibat daripada diskriminasi). Hasil kajian mendapati hanya 25.1 peratus perbezaan pendapatan Wilayah Tengah-Timur yang boleh diterangkan. Sementara pemboleh ubah yang tidak dapat diterangkan pula menyumbang sebanyak 74.9 peratus terhadap perbezaan pendapatan Wilayah Tengah-Timur dan koefisien pencongan sebanyak 0.584.

Perbezaan wilayah dalam stok modal manusia dan jenis pekerjaan menerangkan jurang upah sebanyak 7.3 peratus dan 5.8 peratus masing-masing antara Wilayah Tengah dan Wilayah Timur. Pemboleh ubah demografi menyumbang hampir dua pertiga daripada bahagian yang menerangkan jurang

pendapatan ketua isi rumah. Ini menunjukkan bahawa ketua isi rumah yang bekerja di bandar telah menjadi penyumbang terbesar kepada perbezaan pendapatan wilayah. Bagaimanapun, perbezaan wilayah yang merujuk kepada jenis industri didapati menyumbang secara negatif iaitu kira-kira -3.6 peratus dalam menerangkan bahagian jurang pendapatan. Namun, kesan daripada campuran bahagian perbezaan yang tidak dapat diterangkan (intersep) yang besar ke dalam bahagian perbezaan akibat dari perbezaan koefisien telah membantu menyusutkan jurang pendapatan kira-kira 153.0 peratus.

KESIMPULAN

Hasil kajian ini mendapati pemboleh ubah modal manusia seperti tahun bersekolah, menghadiri latihan dan pengalaman bekerja adalah sangat signifikan dalam mempengaruhi pendapatan yang diperoleh ketua isi rumah di kedua-dua wilayah yang dikaji. Oleh itu, usaha yang berterusan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran lebih menjamin keuntungan jangka panjang terutamanya bagi masyarakat di wilayah kurang membangun. Keputusan regresi turut menyaksikan pengaruh penting yang dimainkan oleh pemboleh ubah demografi, sektor dan jenis pekerjaan terhadap pendapatan. Ketua isi rumah yang menetap di kawasan bandar di Wilayah Tengah menerima pendapatan lebih tinggi secara signifikan berbanding ketua isi rumah di luar bandar. Namun ketua isi rumah Melayu di wilayah ini menerima pendapatan lebih rendah berbanding kaum lain. Sementara ketua isi rumah bekerja dalam kategori pekerjaan mahir menerima pendapatan yang lebih tinggi di kedua-dua wilayah berbanding pekerjaan separuh mahir dan tidak mahir. Walau bagaimanapun, kajian mendapati sektor perkhidmatan tidak signifikan dalam menerangkan perbezaan pendapatan di Wilayah Tengah berbanding sektor pertanian tetapi signifikan di Wilayah Timur dengan isi rumah di sektor ini menerima pendapatan yang lebih tinggi. Sebaliknya ketua isi rumah yang berkhidmat dalam sektor pembuatan di Wilayah Tengah mempunyai pendapatan yang lebih rendah berbanding mereka yang bekerja di sektor pertanian.

Pengasingan perbezaan pendapatan antara wilayah mendapati pemboleh ubah penting yang dapat menerangkan penentu perbezaan pendapatan adalah faktor demografi, diikuti oleh modal manusia, terutamanya pendidikan dan latihan. Namun pemboleh ubah jenis pekerjaan hanya memainkan peranan yang kecil. Sementara sektor pekerjaan tidak dapat menerangkan perbezaan pendapatan terutamanya industri pembuatan. Sebaliknya, faktor sektor pekerjaan di dapati memberikan peratusan tertinggi bagi pemboleh ubah yang tidak dapat diterangkan, berbanding dengan pemboleh ubah lain. Kajian mendapati perbezaan tingkat pendapatan ketua isi rumah lebih dipengaruhi oleh faktor diskriminasi atau dikenali sebagai faktor yang tidak dapat dijelaskan iaitu sebanyak 74.9 peratus dan faktor lain yang melibatkan perbezaan dalam ciri-ciri individu seperti pelaburan modal manusia sebanyak 25.1 peratus.

Dalam usaha untuk mengurangkan jurang pendapatan Wilayah Tengah dan Wilayah Timur, beberapa tindakan perlu di ambil. Pertama, apabila melihat kepada faktor demografi sebagai penyumbang terpenting terhadap perbezaan pendapatan, pembangunan di Wilayah Timur adalah perlu ditingkatkan. Dengan ini, wilayah ini akan mampu untuk mencipta aktiviti yang memberikan nilai ditambah yang lebih tinggi dan bayaran upah yang lebih tinggi kepada pekerja. Apa yang lebih penting adalah untuk memajukan sektor pembuatan dan aktiviti perkhidmatan yang berkaitan supaya kedua-dua sektor ini berupaya untuk menjana pendapatan yang lebih tinggi. Latihan adalah penting bagi meningkatkan kemahiran dan kenaikan pangkat isi rumah bekerja. Dalam hal ini, majikan digesa untuk menyediakan latihan kepada pekerja mereka. Aspek lain yang memerlukan perhatian adalah untuk mengurangkan pelakuan diskriminasi dalam penentuan pendapatan isi rumah. Ia amat penting bagi mendapatkan satu pembaikan pasaran terutamanya dalam menyediakan kemudahan pendidikan di Wilayah Tengah dan Timur.

Kesimpulannya, perbezaan pendapatan merupakan isu penting yang perlu dikaji secara terperinci. Isu ini mesti di lakukan secara cekap demi kepentingan bersama kepada masyarakat dan mencipta keharmonian di dalam sebuah masyarakat majmuk seperti Malaysia. Peningkatan dalam tingkat perolehan dan penurunan dalam jurang pendapatan mengikut isi rumah akan meningkatkan kualiti dan kebajikan hidup mereka dan ini secara tidak langsung akan membawa kepada pembangunan negara serta negeri secara mapan keseluruhannya.

RUJUKAN

- Becker, Gary S. 1962. Investment in Human Capital: A Theoretical Analysis. *Journal of Political Economy* LXX. 9 - 49.
- Blackaby D. & Murphy P. 1995. Earnings, Unemployment and Britain's North-South Divide: Real or Imaginary. *Oxford Bulletin of Economics and Statistics*. 57, 4 : 487-512.
- Blinder, A.S. 1973. Wage Discrimination: Reduced Form and Structural Estimates. *Journal of Human Resources*. Vol. (8), 4: 436-455.
- Chew Ban Seh. 1983. Beberapa Aspek Berhubung Dengan Pembangunan Pelancongan di Pulau Pangkor, Perak. *Latihan Ilmiah*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Chiswick, B.R. 1971. Earnings Inequality and Economic Development. *The Quarterly Journal of Economics*. Vol. (85), 1 : 21-39.
- Cornia, G. A. & Kiiski, S. 2001. Trends in Income Distribution in the Post-World War II Period. *UNU/WIDER Discussion Paper*. No. 2001/89.
- Cotton, J. 1988. On the Decomposition of Wage Differentials. *Review of Economics and Statistics*. 70 : 236-243.
- Crenshaw, E. M. 1993. Polity, Economy and Technoecology: Alternative Explanations for Income Inequality. *Social Forces*. Vol. (71), 3 : 807-816.
- Friedman, M. 1957. *A Theory of The Consumption Function*. Princeton, NJ: Princeton University Press, 220.
- Hassan Haji Ali & Rahmah Ismail. 1995. Perhubungan Antara Pertumbuhan Dengan Agihan Pendapatan: Kes Malaysia. Kertas Kerja Bengkel *Lead Scholar* Fakulti Ekonomi, UKM.
- Malaysia. 2006. *Rancangan Malaysia Ke-Sembilan, 2006-2010*. Percetakan Nasional Malaysia Berhad : Kuala Lumpur.
- Meng, X. & Wu, H. X. 1998. Household Income Determination and Regional Income Differential in Rural China. *Asian Economic Journal*. Vol. (12), No. 1.
- Mincer, J. 1974. Schooling, Experience and Earnings. *National Bureau for Economic Research (NBER) Working Paper*. New York.
- Oaxaca R. 1973. Male-female Wage Differentials in Urban Labour Markets. *International Economic Review*. 14 : 693-709.
- Psacharopoulos, G. 1985. Returns to Education: A Further International Update and Implications. *Journal of Human Resources*. 20(4):583-604.
- Schultz, T. W. 1963. *The Economic Value of Education* (New York: Columbia University Press).
- Smith, A. 1776. *An Inquiry into the Nature and Causes of the Wealth of Nations*, University Of Chicago Press.
- Snower, D. J. 1999. Causes of Changing Earnings Inequality. *IZA Discussion Paper*. No. 29.
- Sylwester, K. 2002. Can Education Expenditures Reduce Income Inequality? *Economics of Education Review*. Vol. (21), 1 : 43-52.
- Sulong Mohamad. 1981. Perusahaan Pelancongan di Tanjung Jara dan Rantau Abang, Terengganu: Tinjauan Awal. *Jurnal Ilmu Alam*. Vol 10(1) : 1-10.
- Takahashi, K. 2007. Sources Of Regional Income Disparity In Rural Vietnam: Oaxaca Blinder Decomposition. *Discussion Paper*. No. 95.
- Teulings, C. & Vieira, J. 2004. Urban Versus Rural Return to Human Capital in Portugal: A Cookbook Recipe for Applying Assignment Models. *Labour*, 18 : 265-291.
- Vieira, J. Couto J. & Tiago, M. 2006. Inter-regional Wage Dispersion in Portugal. *Regional and Sectoral Economic Studies*. Euro-American Association of Economic Development 6, 1.
- Xu, L. C., Zou, H. 2000. Explaining the Changes of Income Distribution in China. *China Economic Review*. Vol. (11), 2 : 149-170.

JADUAL 1: Ringkasan pemboleh ubah

Nama Pemboleh ubah	Keterangan
$\ln Y$	Natural logaritma pendapatan ketua isi rumah
LO	Pemboleh dami lokasi kediaman yang dikod 1 jika bandar dan 0 luar bandar
K	Pemboleh ubah dami kaum yang dikod 1 jika Melayu dan 0 lain-lain
J	Pemboleh ubah dami jantina yang dikod 1 jika Lelaki dan 0 wanita
TB	Bilangan tahun bersekolah iaitu UPSR = 6 tahun, tidak/belum tamat sekolah rendah = kurang daripada 6 tahun, tidak/belum tamat sekolah menengah = kurang daripada 11 tahun, tidak/belum bersekolah = 0, PMR = 9 tahun, SPM/STPM = 11 tahun, Sijil = 13 tahun, Diploma = 14 tahun, Ijazah Sarjana Muda = 16 tahun, Ijazah Sarjana = 18 tahun, Doktor Falsafah = 22 tahun dan sekolah agama = 12 tahun.
AP	Pemboleh ubah dami aliran pendidikan yang dikod 1 jika sains dan teknikal dan 0 sains sosial
KH	Pemboleh ubah dami sektor perkhidmatan yang dikod 1 jika sektor perkhidmatan dan 0 lain-lain
PM	Pemboleh ubah dami sektor pembuatan yang dikod 1 jika sektor pembuatan dan 0 lain-lain
M	Pemboleh ubah dami jenis pekerjaan mahir yang dikod 1 jika mahir dan 0 tidak mahir
SM	Pemboleh ubah dami jenis pekerjaan separuh mahir yang dikod 1 jika separuh mahir dan 0 tidak mahir
EXP	tahun pengalaman kerja
$EXP2$	tahun pengalaman kerja kuasa dua
L	Pemboleh ubah dami latihan yang dikod 1 jika hadir latihan dan 0 tah hadir latihan
μ	Ralat

JADUAL 2: Taburan responden mengikut wilayah, negeri dan tahap pendidikan

Wilayah / Negeri	Tahap Pendidikan			
	Rendah	Menengah	Tertiari	Jumlah
Tengah	44	707	440	1191
	(3.7)	(59.4)	(36.9)	(100)
Selangor	16	510	305	831
	(1.9)	(61.4)	(36.7)	(100)
Negeri Sembilan	24	73	41	138
	(17.4)	(52.9)	(29.7)	(100)
Wilayah Persekutuan	4	124	94	222
	(1.8)	(55.9)	(42.3)	(100)
Timur	22	250	84	356
	(6.2)	(70.2)	(23.6)	(100)
Kelantan	3	98	46	147
	(2.0)	(66.7)	(31.3)	(100)
Terengganu	6	52	19	77
	(7.8)	(67.5)	(24.7)	(100)
Pahang	13	100	19	132
	(9.8)	(75.8)	(14.4)	(100)
Jumlah	66	957	524	1547
	(4.3)	(61.8)	(33.9)	(100)

Sumber: Kaji selidik, 2007/08.

JADUAL 3: Pendapatan isi rumah purata bulanan mengikut wilayah, negeri dan tahap pendidikan (RM)

Wilayah / Negeri	Tahap Pendidikan		
	Rendah	Menengah	Tertiari
Tengah	3417	4154	8758
Selangor	2282	4098	7271
Negeri Sembilan	3987	3649	18768
Wilayah Persekutuan	4538	4682	9219
Timur	2579	2982	5192
Kelantan	1978	2847	5550
Terengganu	3492	3594	4852
Pahang	3360	2796	5185

Sumber: Kaji selidik, 2007/08.

JADUAL 4: Hasil regresi pemboleh ubah mengikut wilayah

Pemboleh ubah	Keseluruhan	Wilayah Tengah	Wilayah Timur
	Koefisien (Nilai-t)	Koefisien (Nilai-t)	Koefisien (Nilai-t)
Demografi			
Lokasi Kediaman (Bandar)	0.308 (8.086)*	0.207 (3.816)*	0.018 (0.266)
Kaum (Melayu)	-0.124 (-4.153)*	-0.163 (-5.080)*	0.052 (0.748)
Jantina (Lelaki)	-0.052 (-0.608)	-0.104 (-1.128)	0.154 (0.846)
Modal Manusia			
Tahun Bersekolah	0.077 (11.614)*	0.076 (11.010)*	0.074 (4.864)*
Aliran Pendidikan (Sains dan Teknikal)	0.000 (0.010)	0.012 (0.358)	0.032 (0.432)
Pengalaman	0.027 (5.890)*	0.030 (6.029)*	0.029 (2.818)*
Pengalaman 2	0.000 (-2.283)**	0.000 (-3.470)**	0.000 (-0.326)
Latihan (Hadir)	0.172 (5.423)*	0.128 (3.915)*	0.310 (3.886)*
Sektor			
Perkhidmatan	0.098 (2.281)**	-0.039 (-0.747)	0.251 (3.242)*
Pembuatan	-0.010 (-0.179)	-0.164 (-2.756)*	0.051 (0.391)
Jenis Pekerjaan			
Mahir	0.342 (7.571)*	0.310 (6.454)*	0.337 (3.128)*
Separuh Mahir	0.044 (1.102)	0.071 (1.586)	-0.037 (-0.462)
Kostan	6.600 (51.355)*	6.983 (49.239)*	6.044 (21.403)*
$\frac{N}{R}$	1547 0.393	1191 0.360	356 0.429

Nota : *** Signifikan pada aras keertian 1%

** Signifikan pada aras keertian 5%

	Perbezaan Yang Dapat Diterangkan	Kelebihan Wilayah Tengah	Jumlah Perbezaan
Pemboleh ubah	$\hat{\beta}^U \underbrace{(\bar{X}^U - \bar{X}^R)}_E$	$\underbrace{\begin{pmatrix} \hat{a}^U & -\hat{a}^R \end{pmatrix}}_U + \bar{X}^R \underbrace{\begin{pmatrix} \hat{\beta}^U & -\hat{\beta}^R \end{pmatrix}}_C$	$\overline{\ln W_U} - \overline{\ln W_R}$
Demografi	0.09522 (15.5)	-0.3133 (-51.0)	-0.21808 (-35.5)
Modal Manusia	0.0451 (7.3)	-0.01628 (-2.65)	-0.06138 (4.65)
Sektor pekerjaan	-0.02202 (-3.6)	-0.1999 (-32.56)	-0.22192 (-36.16)
Jenis pekerjaan	0.03585 (5.8)	0.05022 (8.2)	0.08607 (14.0)
Intersep	-	0.939 (153.0)	0.939 (153.0)
Jumlah	0.15415 (25.1)	0.45974 (74.9)	0.61389 (100.0)
Koefisien Pencongan		0.584	

JADUAL 5: Pengasingan Perbezaan Pendapatan antara Wilayah Tengah dan Timur

Nota: Angka dalam kurungan adalah peratus perubahan